

BAB I

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan.

Komunikasi merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Selain itu komunikasi merupakan suatu aktiviti yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia, bahkan komunikasi ini merupakan suatu sifat yang melekat padanya.

Dalam al-Qur'an terdapat banyak sekali ayat-ayat yang mengandungi prinsip-prinsip bagi manusia dalam berkomunikasi dan berinteraksi sosial yang dapat membawa pada suatu kehidupan yang harmoni dan persaudaraan antara manusia. Keadaan ini menunjukkan bahawa komunikasi mempunyai peranan yang sangat penting dalam membina suatu tata kehidupan sosial yang dikehendaki Allah S.W.T. bagi manusia.

Jadi, dalam kajian berikut ini penulis cuba mengkaji beberapa prinsip dalam berkomunikasi yang terdapat dalam al-Qur'an, yang bertumpu pada Surah *al-Hujurāt*.

Kajian ini sangat penting kerana dalam kajian ini penulis cuba menghuraikan beberapa prinsip komunikasi yang terkandung dalam surah tersebut. Keadaan ini sangat penting untuk diketahui, terutamanya dalam kehidupan semasa, yang mana proses komunikasi telah menjadi suatu perkara yang tidak dapat dihindari. Lebih-lebih lagi tidak sedikit dalam praktiknya proses komunikasi ini telah banyak mengabaikan prinsip-prinsip yang telah digariskan oleh Allah S.W.T..

Penulis berharap dengan prinsip-prinsip komunikasi yang akan dihuraikan ini, dapat membangun kehidupan komunikasi yang harmoni, iaitu suatu kehidupan komunikasi yang akan membawa pada persaudaraan dan persatuan yang dibangun oleh nilai-nilai etika Islam.

Untuk lebih sistematik, kajian ini dibahagikan menjadi beberapa bab. Bab pendahuluan ini akan membincangkan terlebih dahulu tentang latar belakang masalah, pengertian tajuk, perumusan masalah, objektif penulisan, metodologi penyelidikan, kajian-kajian lepas dan sistematika penulisan.

1.2. Latar belakang masalah.

Manusia menurut fitrahnya ialah makhluk yang tidak dapat dipisahkan daripada lingkungan sekitarnya. Kedua-duanya merupakan suatu hubungan yang saling memerlukan antara satu dengan yang lain. Dalam realitinya, kehidupan sosial

bagi manusia merupakan wahana untuk pengembangan diri dalam posisinya sebagai sebahagian daripada makhluk-makhluk yang lain.

Allah SWT. telah menciptakan manusia dalam keanekaragaman kemampuan, kecenderungan, dan kecekapan. Kesemuanya itu akan mengakibatkan adanya sikap saling memerlukan antara satu sama lain. Dengan jalan ini Dia telah membuat manusia yang secara hakiki saling memerlukan dan cenderung berhubungan dengan sesamanya. Justeru, Dia telah meletakkan dasar dalam kehidupan bersama.¹ Ini merupakan suatu indikasi bahawa kehidupan sosial merupakan suatu gejala yang natural.² Ertinya bahawa dengan fitrahnya semua manusia terikat oleh suatu kehidupan sosial, dan bukan kerana paksaan, melainkan kerana dorongan fitrahnya. Hal ini dapat dibuktikan bahawa manusia tidak akan dapat hidup tanpa bantuan orang lain.

Kenyataan ini dijelaskan dalam al-Qur'an bahawa terjadinya perasaan terasing dalam kehidupan sosial serta merasa hina dalam diri seseorang adalah akibat daripada sikap tidak menghiraukan kehidupan sosial, sama ada dengan lingkungan sekitar maupun hubungan dengan Allah S.W.T.. Seperti yang dijelaskan dalam firman-Nya:

¹ Dr. Gaston Bouthoul (1998), *Teori-teori Filsafat social Ibn khaldun*. Yudian W. Asmin (terj.), Yogyakarta: Titian Ilahi Press., h. 45.

² Murtadha Muthahari (1986), *Masyarakat dan Sejarah Kritik Islam atas Marxisme dan Teori Lainnya*. (terj.), Bandung : Mizan, h. 20.

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الدَّلَةُ أَئِنَّ مَا تُفْعِلُوا إِلَّا بِحَلٍْ مِّنَ اللَّهِ وَحَلٍْ مِّنَ النَّاسِ وَتَابُوا بَعْضُهُمْ مِّنَ
اللَّهِ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَةُ

Maksudnya:

“Mereka diliputi kehinaan di mana saja mereka berada, kecuali jika mereka berpegang pada tali (agama) Allah dan tali (perjanjian) dengan manusia, dan mereka kembali mendapat kemurkaan daripada Allah dan mereka diliputi kerendahan.”

Terjemahan Surah *Āli 'Imrān* (3):112.

Ayat di atas menjelaskan bahawa di mana sahaja seseorang itu berada akan mendapat kehinaan atau merasa terasing daripada lingkungan sekitarnya, kecuali ianya berinteraksi dengan Penciptanya mahupun dengan ciptaan-Nya. Islam juga mendorong umatnya untuk silaturahim antara sesamanya dan mendirikan ikatan-ikatan sosial yang akrab. Islam memandang pemencilan, pengasingan dan penyingkiran diri sebagai sikap yang negatif, dan sebaliknya Islam memerintahkan kaum muslimin untuk saling berkunjung secara teratur dan mengetahui kesejahteraan serta keadaan sesama saudara muslimnya.¹ Ini di perkuat oleh hadith Nabi yang menyatakan:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُسْطَلِّهُ فِي رِزْقٍ وَأَنْ يَنْسَأَلَهُ فِي أَثْرٍ فَإِيَّاهُ رَحْمَةٌ

¹ Sayyid Muhammad Husayn Tabātabā'i (1987), *Tatānat Masyarakat Islami*. M. As (terj.), Bandar lampung-Jakarta: Penerbit YAPI, h.90.

Maksudnya:

"Barang siapa yang menghendaki dilapangkan rezekinya dan dipanjangkan usianya maka hubungkan kasih sayangnya (silaturahim)".¹

Terjemahan hadith riwayat Bukhārī.

Hadith di atas mengandungi pengertian yang sangat mendalam, bahawa dengan mendirikan ikatan-ikatan sosial, yang dalam Islam dikenal dengan istilah silaturahim, setidak-tidaknya ada dua aspek penting yang akan dihasilkan. Yang pertama ialah peluang mendapatkan rezeki, ertinya bahawa kesempatan serta peluang perniagaan tidak akan terjadi begitu saja kalau kita tidak menjalani suatu proses interaksi sosial, yang dalam istilah hadith di atas ialah silaturahim.

Salah satu teori Ibn Khaldūn, bahawa yang menyebabkan manusia memerlukan hubungan sosial sesama manusia adalah disebabkan adanya unsur saling menolong secara ekonomis, yang mana hasil-hasilnya dibentengi oleh berbagai-bagai akibat yang ditimbulkan oleh pembahagian kerja. Kekuatan individu yang terasing tidak akan cukup untuk mencapai kuantiti bahan makanan yang diperlukan.²

Kedua, yang dihasilkan daripada proses silaturahim dalam hadith di atas ialah akan dipanjangkan usia. Pentafsiran daripada pernyataan ini ialah seseorang yang

¹ Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizah al-Bukhārī (t.t.), *Saḥīḥ al-Bukhārī*. Kitab: al-Adab, Bab: Man Yubsatā lahū fi l-rizqīhi bi ḥillah, Qahirah: Dār al-Hadīth.

² Bouthoul (1998), *op.cit.*, h.45.

sentiasa mengadakan ikatan-ikatan sosial berkunjung secara teratur kepada saudara-maranya tentulah akan melahirkan saling mengenal. Akibat saling mengenal itulah akan ada suatu kesan yang dikenang daripadanya. Maka meskipun dia berumur pendek, namun kesan daripada orang tersebut akan sentiasa dikenang, itulah makna yang tersirat daripada dipanjangkan usianya.

Huraian di atas menunjukkan bahawa Islam sebagai *al-dīn* tidak membenarkan umatnya untuk bersifat melampau dalam agama, sehingga sifat melampau itu ditunjukkan dengan meninggalkan hubungan sosial. Ini menunjukkan bahawa Islam sangat menekankan pada masalah sosial di samping masalah-masalah spiritual. Dan untuk memberikan kekuatan pada hubungan-hubungan sosial tersebut, Islam telah menggagaskan wadah dan saranan-saranan yang cemerlang, yang akan menjauhkan unsur-unsur yang akan merosak kesatuan masyarakat.¹ Sepertimana Allah memerintahkan supaya menjelajah keseluruhan pelosok bumi serta mengambil berbagai-bagai 'ibrah daripada umat-umat terdahulu (Surah *Yūsuf* [12]:109). Islam juga mengajar suatu prinsip berinteraksi yang saling menyebarkan kasih sayang Allah (Surah *al-Balad* [90]:17, *al-Fātḥ* [48]:29), serta dalam pengambilan suatu keputusan hendaklah melalui suatu jalan *syūrā* (Surah *Āli 'Imrān* [3]:159, *al-Syūrā* [42]:38).

Nilai-nilai ini merupakan sebahagian kecil daripada nilai-nilai yang terkandung dalam al-Qur'an yang menunjukkan bahawa Islam sangat memperhatikan

¹ Tabātabā'i (1987), *op.cit.*, h.88.

pada kehidupan sosial untuk menciptakan suatu hubungan sosial yang harmoni, iaitu hubungan sosial yang melahirkan kasih sayang antara sesama manusia, bukan hubungan sosial yang melahirkan permusuhan, perselisihan serta konflik.

Penjelasan di atas membawa pada suatu kenyataan bahawa manusia pada dasarnya merupakan makhluk yang mempunyai instinkt berkelompok (*gregarious propensity*), dalam kehidupan berkelompok ini manusia akan saling berinteraksi sosial. Dalam berinteraksi sosial, manusia memerlukan simbol-simbol berupa bahasa untuk menyampaikan ideanya. Dalam menyampaikan idea-idea itulah dia telah melakukan suatu proses komunikasi, iaitu suatu proses penyampaian idea-idea dengan perantara bahasa.

Huraian di atas membuktikan bahawa manusia tidak dapat menghindari daripada interaksi sosial, selain dia juga tidak dapat lepas daripada proses komunikasi, sebab pada dasarnya komunikasi merupakan salah satu bentuk interaksi sosial. Sehingga meskipun seseorang mengatakan "*no comment*", maka pada dasarnya dia pun telah berkomunikasi. Atau dengan keadaan diam sekalipun, maka diamnya pun merupakan bentuk komunikasi, seperti terdapat suatu peristilahan yang menyatakan "*thubutuhā jawabuhā*", ertinya diamnya itu adalah jawabannya.

Dalam kehidupan yang lebih kecil seperti organisasi, menurut para pakar komunikasi bahawa sebanyak 90% kegiatan sosial terjadi dalam bentuk komunikasi, sama ada dalam bentuk lisan (verbal) maupun bukan lisan (non verbal), seperti

tulisan dan pergerakan tubuh. Dan sebanyak 90% juga daripada kegiatan manusia ialah berkomunikasi.¹ Bahkan menurut George A. Miller yang di kutip oleh Jalaludin Rahmat, bahawa komunikasi ialah “*one of the principal preoccupation of our time*”²

Komunikasi dalam kehidupan sosial adalah sangat penting, kerana pada dasarnya komunikasi dalam sosiologi dikenal sebagai usaha manusia untuk melangsungkan proses sosial dan keadaan yang merupakan jaringan pertukaran-penerimaan rangsangan manusia antara satu sama lain.³ Sosiologi mempelajari interaksi sosial dan interaksi sosial harus didahului oleh adanya hubungan dan komunikasi.⁴

Dengan peranan yang sangat penting, maka sangat tepatlah apabila keberadaan seseorang tersembunyi di bawah lisannya atau kecekapan komunikasinya.⁵ Dan Islam memandang komunikasi sebagai salah satu proses pelaksanaan ajaran agama, sebab dalam Islam kita mengenal suatu hadith yang menyatakan; *al-dīn al-mu’āmalah* atau agama itu ialah pergaulan hidup, dan dalam pergaulan hidup ini mestilah berlaku suatu interaksi sosial berupa proses komunikasi.

¹ Astrid S. Susanto (1987), *Komunikasi Teori dan Praktis* 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.86.

² Drs. Jalaludin Rahmat, M.Sc. (1989), *Psikologi Komunikasi*, Bandung: Remadja Karya CV., h.7.

³ Susanto (1987), *op.cit.*, h.98

⁴ Rahmat (1989), *op.cit.*, hal:8.

⁵ Muhammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (1994), *Maḥāsin al-Ta’wīl*. Bayrut-Lubnān: Dār Iḥyā’ al-Tarāث al-‘Arabi, J. VI, h.395.

Pada zaman kemajuan sains dan teknologi seperti sekarang ini, yang berimbang pada perkembangan pesat teknologi komunikasi, sehingga proses komunikasi ini pun sudah sedemikian canggih. Dan akibat daripada kemajuan ini sangat memungkinkan terjadinya suatu gejala yang mengarah pada globalisasi komunikasi, sehingga suatu kejadian yang berlaku pada suatu negara akan dengan cepat diketahui ke seluruh pelosok dunia.

Ini merupakan suatu fenomena bahawa proses komunikasi bukan lagi dibatasi oleh batasan-batasan negara atau wilayah suatu bangsa. Melihat keadaan seperti ini Dilnawaz A. Siddiqui, mengatakan: "*The recent combination of computer, video, fiber optics, satellite television, and other state-of-the-art technologies has enable small group to control the lives of billions.*"¹

Kenyataan di atas sudah menjadi suatu realiti pada zaman sekarang ini, yang mana perkembangan budaya, ekonomi, politik di suatu negara dengan cepat akan diketahui oleh seseorang di manapun dia berada, sama ada melalui media cetak seperti akhbar-akhbar dan majalah ataupun melalui media elektronik seperti televisyen, internet, radio dan sebagainya. Akibat daripada keadaan seperti ini akhirnya akan mempengaruhi sistem sosial yang berlaku pada sesuatu negara, terutamanya negara yang majoriti penduduknya muslim. Sebab keadaan semasa

¹ Dilnawaz A. Siddiqui (1993), "Selected Major Issues In Instructional/Communication Technology: An Islamic Perspective", dalam *The American journal of Islamic social sciences*, volume 10, no.3. Herndon, Virginia: jointly published by The Association of Muslim Social, Scientists and The International Institute of Islamic Thought, h. 312.

membuktikan bahawa sistem komunikasi Barat yang menguasai jaringan komunikasi dunia. Dan yang paling dikhuatirkan adalah apabila penjajahan budaya akibat kemajuan sistem komunikasi ini, yang datang dari Barat ke negara yang majoriti muslim bercanggah dengan nilai-nilai syari'at Islam. Paling membahayakan lagi, jika orang-orang Islam itu sendiri leka daripada itu semua yang akhirnya mereka mengikuti budaya tersebut.

Keadaan seperti inilah yang mesti kita cegah dengan cara mensosialisasikan nilai-nilai Islam dengan keadaan semasa, khususnya dalam rangka mencegah berbagai-bagi berita yang mengandungi kefasiqkan sebagai akibat daripada kemajuan teknologi komunikasi tersebut. Keadaan lain yang terjadi adalah dalam penyampaian berita melalui alat-alat komunikasi sama ada dalam bentuk cetak mahupun elektronik sudah seringkali mengabaikan nilai-nilai dalam prinsip komunikasi. Pada akhirnya dalam penyampaian suatu maklumat telah dijadikan suatu bentuk komoditi, tanpa melihat dari segi nilai dan kebenaran maklumat tersebut, yang sedikit sebanyak akan mengakibatkan kesan negatif terhadap kehidupan sosial.

Menghadapi kenyataan tersebut Islam mengajar bahawa bagaimanapun berita yang diterima mestilah terlebih dahulu melalui proses *tabayyun* (sikap meneliti), dan penyampaian berita mestilah sesuai dengan keadaan sebenar, dalam erti tidak berdusta. Ini menandakan bahawa Islam jauh-jauh sebelumnya telah mengajar prinsip-prinsip yang mesti kita jadikan panduan dalam menghadapi kemajuan

teknologi komunikasi semasa. Sesuai dengan Islam ialah *al-din* yang mengatur kehidupan manusia sama ada dalam hubungan-hubungan spiritual maupun hubungan mu'amalah. Hal ini berlaku bukan hanya pada zaman Rasulullah sahaja, melainkan untuk zaman-zaman selepasnya, termasuklah zaman sekarang ini.

Dengan berkembangnya perubahan sosial akibat daripada kemajuan sains dan teknologi, khususnya kemajuan teknologi komunikasi yang telah dihuraikan di atas, merupakan suatu gejala yang harus dihadapi dan sekaligus sebagai cabaran dalam menginteraksikan nilai-nilai Islam tersebut dengan fenomena yang terjadi. Bagaimanapun juga al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan pedoman hidup manusia yang meskipun teks daripada kedua-dua pedoman itu tidak akan mengalami perubahan, namun pemahaman terhadap kedua-duanya akan berkembang selari dengan tuntutan zaman yang dihadapi.

Peranan nilai-nilai Islam sangatlah besar dalam mencegah gejala-gejala yang berlaku, kerana sejauh ini perkembangan dan kemajuan sains dan teknologi yang seringkali membuat manusia terpedaya oleh kemajuan tersebut, dan akhirnya kemajuan tersebut tidak dapat dikendalikan dan bahkan menjadikan manusia sebagai korban. Jadi, proses interaksi al-Qur'an dan al-Sunnah yang merupakan landasan pokok daripada nilai-nilai Islam tersebut dengan zaman kemajuan teknologi maklumat ini, mestilah menjadi suatu cabaran pada abad sekarang ini. Hal demikian kerana tidak sedikit konflik perkauman, politik, agama bahkan antara negara berlaku

disebabkan kesalahan proses komunikasi. Oleh itu Islam telah memberikan berbagai-bagai petunjuk yang boleh mengatasi permasalahan-permasalahan tersebut.

Ini merupakan suatu kenyataan yang mendorong penulis untuk mengkaji prinsip-prinsip komunikasi yang terkandung dalam al-Qur'an yang merupakan pedoman dan rujukan kehidupan manusia. Untuk memudahkan serta membatasi pembahasan ini, maka penulis batasi pada salah satu surah sahaja, tepatnya surah nombor 49 dalam Mushaf 'Uthmani iaitu surah *al-Hujurāt*. Penulis menganggap penting untuk mengkaji surah ini, kerana penulis melihat di dalamnya terdapat beberapa prinsip komunikasi yang mesti dijadikan asas dalam kehidupan, khasnya dalam proses komunikasi yang merupakan bentuk interaksi sosial manusia. Sehingga tajuk kajian ini penulis rangkaikan dalam sebuah tajuk "**Prinsip-Prinsip Komunikasi Dalam Al-Qur'an: Tumpuan Terhadap Surah *Al-Hujurāt***".

1.3. Pengertian tajuk dan perumusan masalah.

Tajuk penyelidikan ini ialah "**Prinsip-Prinsip Komunikasi Dalam al-Qur'an: Tumpuan Terhadap Surah *al-Hujurāt***". Sebelum penulis menjelaskan maksud pengertian tajuk kajian ini, terlebih dahulu akan diuraikan beberapa istilah yang penulis gunakan dalam menyusun tajuk tersebut. Istilah-istilah ini ialah prinsip, komunikasi, al-Qur'an, Surah dan *al-Hujurāt*.

Dalam penjelasan istilah-istilah ini penulis akan mulakan dengan memberikan definisi perkataan "prinsip". Secara bahasa perkataan "prinsip" mengandungi makna dasar (asas), kebenaran, hukum atau anggapan.¹

Adapun menurut istilah, perkataan "prinsip" mengandungi beberapa makna, seperti yang berikut:

1. Standard peraturan khas untuk kebaikan tingkah laku.²
2. Standard moral atau etika secara kolektif.³
3. Sesuatu yang pasti, kebijaksanaan yang telah ditetapkan sebelumnya, atau cara untuk bertindak.⁴
4. Suatu dasar atau sifat-sifat inti, unsur-unsur yang akan menentukan sifat hakiki, atau keadaan perilaku.⁵
5. Peraturan yang telah diterima atau dikenal oleh umum untuk tindakan dan tingkah laku.⁶
6. Ajaran dasar atau putusan pendapat yang khusus.⁷

Adapun pengertian perkataan komunikasi ialah:

¹Robert K. Barnhart (1986), *The American Heritage Dictionary of The English Language*. Third edition, Boston, New York: Hongton Mifflin Company, h. 1440.

²*Ibid.*

³*Ibid.*

⁴*Ibid.*

⁵*Ibid.*

⁶_____ (1996), *Webster encyclopedic unabridged Dictionary of the English language*, (ed). New York: Gramercy Books, h.1144.

⁷*Ibid.*

1. Tukar menukar pemikiran, mesej atau maklumat; melalui cara bicara, isyarat, tulisan atau perilaku.¹
2. Proses pemahaman dan pemberian erti.²
3. Proses penyampaian sesuatu mesej dalam bentuk lambang yang bermakna, berdasarkan idea, maklumat, kepercayaan, harapan dan sebagainya yang dilakukan oleh seseorang kepada orang lain baik secara langsung dan bersemuka mahupun secara tidak langsung melalui media. Tujuannya adalah untuk merubah sikap, pandangan atau perilaku orang lain.³

Pengertian lain daripada perkataan komunikasi adalah diambil daripada bahasa latin, iaitu perkataan *communicare* yang ertiinya membuat bersama (*to make common*), atau bersama-sama (*to share*).⁴ Perkataan komunikasi juga berasal daripada perkataan *communicatio* yang bererti pergaulan, persatuan, peranan dan kerjasama. Perkataan ini juga bersumber daripada perkataan "*communis*" yang bererti sama makna.⁵

¹ Barnhart (1986), *op.cit.*, h.383.

² Judy C. Pearson, Paul E.Nelson (2000), *An Introduction to Human Communication Understanding and sharing*. 8th ed., United States of America: The McGraw-Hill Companies, h.6.

³ Bukhori Ismail, et.all. (1997), *kamus komunikasi*. Syah Alam: penerbit fajar Bakti SDN. BHD., h.72.

⁴ Nelson (2000), *op.cit.*, h.6.

⁵ Bukhori Ismail, et. all. (1997), *op.cit.*, h. 72.

Selanjutnya dalam tajuk penyelidikan ini terdapat perkataan "al-Qur'an" yang merupakan bentuk *mashdar* daripada perkataan *qara'a* yang mempunyai erti bacaan,¹ seperti dalam firman Allah S.W.T. yang menyatakan:

إِنَّ عَلَيْنَا جَمِيعَهُ وَقُرْءَانَهُ (١٧) فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَأَتْبِعْنَاهُ قُرْءَانَهُ (١٨)

Maksudnya:

"Sesungguhnya atas tanggungan Kamilah mengumpulkannya (di dadamu) dan (membuatmu pandai) membacanya. Apabila Kami telah selesai membacakannya maka ikutilah bacaannya itu."

Terjemahan Surah *al-Qiyāmah* (75):17-18.

Adapun menurut istilah sebahagian ulama, al-Qur'an mempunyai erti: Perkataan yang mengandungi mukjizat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. yang ditulis dalam Mushaf, dan disampaikan dengan cara *mutawātir*, serta mengandungi nilai ibadah jika membacanya.²

Perkataan "surah" dalam tajuk ini mengandungi erti kelompok kecil daripada ayat-ayat al-Qur'an.³ Dan perkataan "*al-Hujurāt*" merupakan nama salah satu surah dalam al-Qur'an, yang merupakan surah ke 49 dalam Mushaf Uthmani yang terletak pada juzu' ke 26. Perkata *al-Hujurāt* ini diambil dari ayat ke 4 dalam surah tersebut, yang mengandungi erti bilik-bilik. Dan surah ini mempunyai 18 ayat, yang dikelompokkan ke dalam kelompok Surah *Madāniyyah*, kerana surah ini diturunkan pada masa di Madinah.

¹Muhammad 'Abd al-Azīm al-Zarqānī (1998), *Mañāhil al-'Irfan fi 'Ulūm al-Qur'ān*. Bayrut-Lubnān: Dār al-Kutub al-'Alamiyyah, J. I, h.16.

²*Ibid.*, h. 21.

³*Ibid.*, h.350.

Berdasarkan definisi-definisi yang dikemukakan di atas dapat dirumuskan bahawa kajian ini sebenarnya cuba menjelaskan tentang dasar, asas, standard, serta hukum tentang bagaimana cara berkomunikasi dalam bentuk lisan (verbal) mahupun bukan lisan (nonverbal) yang terdapat dalam wahyu yang telah Allah turunkan kepada manusia iaitu al-Qur'an yang bertumpu pada Surah *al-Hujurāt*.

Selanjutnya penulis akan menganalisis dari konteks pentafsiran al-Qur'an dan dihubung-kaitkan dengan beberapa maklumat semasa. Hal ini sebagai usaha untuk memberi sumbangsih pemikiran dalam menginteraksikan wahyu Ilahi dengan nilai-nilai sosial, kerana nilai-nilai pemahaman yang terdapat dalam al-Qur'an akan bersifat dinamis sesuai dengan perkembangan zaman.

Hasil daripada huraihan pengertian tajuk dan aspek-aspek yang berkaitan dengan kajian, dapatlah dirumuskan beberapa permasalahan yang akan dikaji iaitu antaranya:

1. Bagaimanakah etika berkomunikasi dengan Rasulullah S.A.W.?
2. Bagaimanakah sikap seorang yang beriman dalam menanggapi sesuatu maklumat?
3. Bagaimanakah sikap seorang muslim dalam menghadapi konflik yang terjadi antara orang-orang mukmin?
4. Bagaimanakah pelaksanaan adab kesopanan orang mukmin dalam menjaga hak dan kehormatan anggota masyarakat Islam?

5. Bagaimanakah konsep al-Qur'an dalam menciptakan suatu interaksi yang harmoni di kalangan manusia dalam kehidupan secara menyeluruh?

Objek-objek penelitian di atas akan diteliti dan dianalisis secara mendalam berdasarkan maklumat-maklumat yang diyakini sahih. Ini bertujuan supaya penyelidikan ini dapat menjadikan suatu karangan ilmiah yang dapat di pertanggungjawabkan secara akademik. Yang akhirnya kajian ini seterusnya digarap menjadi suatu kesimpulan yang jelas dan nyata.

1.4. Objektif penyelidikan.

Objektif-objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Untuk mengkaji nilai-nilai yang terdapat dalam al-Qur'an, dalam menciptakan suatu kehidupan yang beradaab sopan dengan Allah dan Rasul-Nya.
2. Mengkaji prinsip-prinsip yang terdapat dalam al-Qur'an berkenaan dengan sikap umat Islam dalam menerima sebarang maklumat yang belum jelas kebenarannya.
3. Untuk menemukan penyelesaian terhadap permasalahan apabila terjadi konflik antara dua puak daripada orang-orang mukmin.
4. Untuk menemukan suatu konsep Islam tentang hakikat sebenar dalam memelihara kehormatan dan hak setiap anggota masyarakat Islam.
5. Mengkaji prinsip dalam proses komunikasi antara kelompok menurut pandangan al-Qur'an.

1.5. Metodologi penyelidikan.

Metodologi penyelidikan bermaksud ilmu tentang cara mengadakan penelitian.¹ Metod memainkan peranan yang penting kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek sasaran penelitian.² Sesuatu penyelidikan akan tinggi mutunya apabila metod-metod yang dipakai tepat dan sesuai dengan objek dan tujuan penyelidikan.

Pada asasnya kajian ini merupakan kajian bahan-bahan bertulis, hasil fikiran dan hujah-hujah pemikir (*library research*) yang berbentuk deskriptif dan analitis. Data-data diperoleh daripada bahan-bahan yang berbentuk dokumen seperti buku, jurnal, risalah, majalah, akhbar dan lain-lain sama ada dalam bahasa Arab, Melayu mahupun bahasa Inggeris.

Dalam menyempurnakan kajian ini, penulis telah menggunakan 3 metod utama iaitu:

- a. Metod pengumpulan data.
- b. Metod analisis data.
- c. Metod komparatif.

¹ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbit FIP-IKIP, h.51.

² Koentjaraningrat, ed., (1977.), *metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Gramedia, h.16.

a. Metod pengumpulan data

Dalam usaha mengumpul data, penulis telah mendapatkannya daripada beberapa sumber. Sumber-sumber tersebut kebanyakannya merupakan sumber primer (*primary materials*). Penulis juga turut menggunakan data-data dari sumber sekunder. Dengan demikian diharapkan penyelidikan ini akan mempunyai nilai yang dapat dipertanggungjawabkan dari sudut objektiviti dan validitinya sebagai sebuah karya ilmiah.

Dalam pengumpulan data-data, penulis menggunakan metod dokumentasi. Metod ini sangat membantu penulis untuk mendapatkan maklumat daripada bahan-bahan rujukan (*reference*) yang berbentuk dokumen dan buku-buku, serta majalah atau jurnal. Metod ini amat penting sehingga hampir semua bab digunakan oleh penulis.

b. Metod analisis data

Data-data yang telah diperoleh selanjutnya dianalisis oleh penulis dengan menggunakan metod induktif dan metod deduktif. Metod induktif ialah cara menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil umum.¹ Metod ini juga digunakan hampir pada semua bab. Di mulai pada bab pertama, penulis menghuraikan definisi-

¹ Peter A. Angeles (1981), *A Dictionary of Philosophy*. London: Harper and Row Publishers, h.132.

definisi daripada istilah yang digunakan dalam tajuk yang ditetapkan, yang kemudian daripada pengertian itu merangkumi bentuk yang lebih luas dan umum yang selanjutnya dapat merumuskan masalah-masalah yang akan dikaji.

Dalam bab kedua metod ini digunakan untuk menjelaskan teori komunikasi dalam al-Qur'an. Selanjutnya dalam bab ketiga digunakan juga untuk mentafsirkan surah *al-Hujurāt* yang dibantu dengan menggunakan metod tafsir *tahlīlī*, iaitu metod tafsir yang menghuraikan penjelasannya sesuai dengan urutan ayat yang terdapat dalam Mushaf Uthmani. Pada bab ketiga ini sebelum penulis mentafsirkan setiap ayat, penulis terlebih dahulu mengenal pasti *asbāb al-nuzūl* ayat-ayat tersebut. Bagi ayat-ayat yang terdapat *asbāb al-nuzūl* sebelum memasuki bab pembahasan tafsir, penulis terlebih dahulu memasukkan pembahasan *asbāb al-nuzūl* nya. Sementara bagi ayat-ayat yang tidak terdapat *asbāb al-nuzūl* penulis langsung menuju pada pembahasan tafsir ayat, dengan tidak menjelaskan terhadap maksud daripada penafsiran ayat-ayat tersebut.

Dalam bab keempat, metod ini mengambil peranan penting kerana dalam bab keempat ini akan menjelaskan tentang keseluruhan fakta-fakta yang terdapat pada bab pertama, yang dibantu dengan menggunakan metod tafsir *maudū'i*, iaitu suatu metod pentafsiran khusus dalam menghuraikan suatu tajuk tertentu.

Adapun metod deduktif, ialah suatu cara menganalisis data dan melakukan penulisan yang berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak

pada dalil umum terhadap dalil khusus.¹ Metod ini banyak digunakan oleh penulis dalam menganalisis data tentang kehidupan sosial khususnya dalam perilaku komunikasi dengan pendekatan al-Qur'an.

c. Metod Komparatif

Metod komparatif ialah suatu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan-perbandingan terhadap beberapa data yang diperoleh semasa penyelidikan dijalankan.²

Metod ini penulis gunakan dalam bab keempat, yang mana penulis mentafsiran ayat-ayat yang terdapat dalam surah *al-Hujurāt* tentang prinsip-prinsip komunikasi yang diperkuat oleh suatu perbandingan dengan teori-teori komunikasi serta fenomena yang berlaku. Dari sini penulis dapat mengambil kesimpulan daripadauraian tersebut.

1.6. Kajian-kajian lepas.

Sepanjang kajian tentang topik ini, penulis menemui banyak buku dan penulisan yang membahaskan masalah komunikasi sama ada yang ditulis oleh sarjana Barat mahupun Timur. Namun buku-buku atau tulisan yang berkaitan dengan

¹ Angeles (1981), *Ibid.*, h. 55.

² *Ibid.*, h.78.

komunikasi Islami atau komunikasi dalam pandangan al-Qur'an amatlah terhad dibanding dengan buku-buku komunikasi yang ditulis oleh sarjana-sarjana Barat yang kebanyakannya bertumpu pada teori-teori umum.

Antara buku-buku atau tulisan-tulisan yang berkaitan dengan komunikasi Islam yang dimaksud oleh penulis di atas, ialah *al-I'lām fi al-Qur'ān al-Karīm* karangan Dr. Muḥammad 'Abd al-Qādir Hātim (2002). Penekanan dalam buku ini lebih pada bentuk penyampaian maklumat serta komunikasi massa menurut al-Qur'an yang dikaitkan dengan konsep dakwah. Pada awal huraianya disertakan kajian perbandingan antara bentuk penyampaian maklumat dan komunikasi massa sebelum diturunkan al-Qur'an dan setelah diturunkan. Setelah jelas bentuk penyampaian maklumat dan komunikasi massa menurut al-Qur'an, kemudian penulis buku ini menghubungkan dengan metod dakwah dalam proses penyampaian maklumat dan komunikasi massa tersebut.

Adapun buku *al-I'lām al-Islāmi wa Wasā'il al-Ittisāl al-Hadīhah* karangan Ibrāhīm Ismā'īl (1414 H.), pemaparan kajiannya lebih pada sistem penyampaian maklumat dalam pandangan Islam disertai dengan huraian tentang permasalahan-permasalahan komunikasi semasa dan pemecahannya menurut Islam.

Meskipun buku-buku tersebut dalam kajiannya lebih bersifat umum dan bukan kajian tafsir, akan tetapi buku-buku tersebut sangat penting bagi penulis dalam mendapatkan berbagai-bagai maklumat dalam bidang komunikasi Islam.

Buku-buku tersebut dapat membantu dalam menghuraikan beberapa kajian tentang prinsip komunikasi yang dijelaskan pada bab keempat.

Beberapa tulisan mengenai komunikasi Islam ini penulis juga temukan dalam beberapa jurnal, namun hanya berupa tulisan-tulisan singkat hasil daripada kajian semasa, seperti yang ditulis oleh Dilnawaz A. Siddiqui (1993), dalam jurnal *The American Journal of Islamic social sciences*, yang bertajuk *Selected Major Issues in Instructional/Communication Technology: An Islamic Perspective*. Dalam tulisan ini dihuraikan hasil kajian mengenai perkembangan teknologi komunikasi yang terjadi pada saat ini. Selain itu penulis juga menghuraikan beberapa prinsip komunikasi dalam perspektif Islam yang kemudian dirangkaikan dengan pembahasan mengenai beberapa permasalahan-permasalahan kemanusiaan akibat daripada kemajuan teknologi komunikasi semasa dan pemecahannya menurut pandangan Islam. Huraian dalam tulisan ini diperkuat dengan perbandingan antara pandangan Islam dan Barat dalam menanggapi permasalahan-permasalahan daripada kemajuan teknologi komunikasi. Dilnawaz A. Siddiqui (1991) juga sebelumnya telah menulis dalam jurnal yang sama dengan tajuk *Mass Media Analysis: Formulating an Islamic Perspective*. Dalam tulisan yang kedua ini, penulis memaparkan beberapa bentuk komunikasi media massa pada saat ini dan disertai dengan beberapa kekurangan yang terdapat padanya. Pada akhir pembahasannya penulis juga merumuskan suatu formula komunikasi media massa yang Islami dan penerapannya bagi media massa Barat.

Sementara itu S. Shaukat Ali (1991) pada jurnal yang sama telah menulis suatu tulisan yang bertajuk *Foundation for Communication in the Qur'an and Sunnah*. Dalam tulisannya penulis menjelaskan perbandingan antara pandangan al-Qur'an dan sekular mengenai komunikasi.

Meskipun beberapa tulisan tersebut hanya merupakan tulisan-tulisan ringkas, namun cukup membantu penulis dalam mendapatkan beberapa maklumat semasa tentang komunikasi menurut perspektif Islam.

Adapun buku-buku yang berbahasa Melayu dan bahasa Indonesia yang menjelaskan komunikasi dengan pendekatan Islam amatlah sedikit, ini pun sebahagiannya terdapat di perpustakaan yang berada di universiti di Indonesia. Buku-buku tersebut antaranya, *Etika Komunikasi Massa Dalam Pandangan Islam*, dikeluarkan oleh Drs. H. Mafri Amir, M.Ag. (1999), yang diterbitkan oleh Penerbit Logos-Indonesia. Pengarang buku ini dalam pemaparan isinya lebih kepada Etika Islam, dan metod kajian yang digunakan menggunakan metod *tafsir maudū'i* (tafsir tematik). Namunuraian dalam buku ini, penulis lebih memfokuskan pada bentuk komunikasi lisan saja, itupun hanya dalam beberapa bentuk sahaja.

Adapun buku-buku yang menghuraikan teori-teori komunikasi Islam terdapat dalam buku *Komunikasi Islam Dari Zaman ke Zaman*, karangan Drs. R. Agus Toha Kuswata. SKM. dan R. UU Kuswara Suryakusumah. BA. (1986). Dalam buku ini beberapa teori yang pengarang huraikan merupakan teori-teori komunikasi umum

yang diperkuat oleh beberapa ayat al-Qur'an mahupun al-Hadith. Sementara itu buku *Komunikasi Islami* karangan A. Muis (2001), merupakan beberapa kumpulan tulisan beliau dalam akhbar mahupun majalah di Indonesia yang dicetak menjadi sebuah buku oleh Penerbit Rosdakarya-Indonesia.

Buku ini sebenarnya lebih pada pembahasan tentang dakwah sebagai bentuk komunikasi Islam. Keadaan ini nampak dalam huraiannya dalam setiap bab, iaitu seperti pembahasan tentang dakwah Islam dan era globalisasi, dakwah Islam dan budaya masyarakat. Manakala buku *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat* karangan Zulkiple Abd. Ghani (2001), memaparkan beberapa konsep Islam dalam menghadapi beberapa keadaan daripada kemajuan teknologi komunikasi dan maklumat dengan dijelaskan beberapa nilai-nilai Islam dalam menghadapi kemajuan tersebut, disertai dengan beberapa bentuk-bentuk komunikasi Islam seperti pembahasan dalam buku-buku yang telahpun disebutkan di atas.

Adapun kajian yang lebih bertumpu kepada Surah *al-Hujurāt*, penulis hanya menemukan dua buah hasil kajian seperti Buku *Minhāj al-Da'wah al-Islāmiyyah fi al-Binā'i al-Ijtīmā'i 'alā Daw'i mā Jā'a fi Sūrah al-Hujurāt* yang dikarang oleh Muḥammad bin Muḥammad bin al-Amin al-Anṣāri (1984). Buku ini bermula daripada disertasi di Jāmi'ah al-Imām Muḥammad bin Sū'ud al-Islāmiyyah yang kemudian dicetak menjadi buku oleh Penerbit Maktabah al-Anṣār di Riyad. Maklumat yang penulis temukan dalam buku ini, iaitu pemaparannya lebih khusus kepada bidang dakwah dan kaitannya dalam kehidupan sosial. Dalam huraiannya

pengarang menggunakan bentuk *tafsir bi al-ma'thūr*, iaitu suatu metod penafsiran al-Qur'an yang penafsirannya menggunakan ayat-ayat al-Qur'an dan al-Hadith.

Sementara itu latihan ilmiah yang ditulis oleh Fauziah BT. Abdul Rahman (1988) yang bertajuk *Akhhlak Dalam Islam Mengikut Surah al-Hujurāt*, menjelaskan tentang beberapa akhlak dan tatakrama dalam kehidupan sosial mengikut surah tersebut. Di mana penulis menghuraikan kajiannya lebih menekankan pada kajian akhlak sahaja, seperti akhlak kepada Allah dan Rasulullah, akhlak dalam menghadapi perselisihan, dan akhlak dalam kehidupan sosial.

Mengingat buku-buku yang berkaitan dengan kajian yang penulis kaji ini terhad, maka untuk mempertajam kajian ini penulis menambah beberapa buku komunikasi yang ditarung oleh sarjana-sarjana Barat.

Buku-buku yang dimaksud antaranya; *Communication: The Study of Human Interaction* karangan C. David Mortensen (1972), juga buku *Human Communication: Motivation, knowledge, & Skills* yang ditarung oleh Sherwyn P. Morreale, Brian H. Spitzberg dan J. Kevin Barge (2001). Demikian pula buku *Human Communication: The Basic Course* karangan Joseph A. Devito (2003) dan buku *An Introduction to Human Communication: Understanding and Sharing* yang ditarung oleh Judy C. Pearson dan Paul E. Nelson (2000). Dalam buku-buku ini pembahasannya tidak terlalu jauh berbeza, yang mana mereka memaparkan tentang dasar-dasar komunikasi, bentuk-bentuk komunikasi, dan pelbagai aspek yang

berkaitan dengannya seperti pengaruh komunikasi dalam kehidupan sosial, organisasi, serta kelompok masyarakat.

Beberapa hasil kajian berupa buku-buku dan beberapa jurnal yang dijelaskan di atas, penulis tidak menjumpai suatu pembahasan tentang komunikasi dalam Islam yang merupakan hasil kajian tafsir. Bermula dari pemikiran ini penulis menganggap perlu untuk mengkaji salah satu surah dalam al-Qur'an, iaitu Surah *al-Hujurāt* yang dirangkaikan dengan pembahasan tentang beberapa prinsip komunikasi yang terkandung di dalamnya.

1.7. Sistematika penulisan.

Kajian ini mengandungi lima bab, dengan didahului bab pertama merupakan pendahuluan penulisan penyelidikan ini. Bab pertama ini mengandungi latar belakang masalah, pengertian tajuk dan perumusan masalah, objektif kajian, metodologi penyelidikan, kajian-kajian lepas dan sistematika penulisan.

Dalam bab kedua penulis membincangkan sekitar landasan teori tentang komunikasi dalam al-Qur'an. Yang merangkumi perbincangan tentang istilah-istilah komunikasi dalam al-Qur'an, komunikasi sebagai salah satu fitrah manusia, pentingnya komunikasi dalam kehidupan, metod komunikasi, dan tujuan komunikasi.

Dalam bab ketiga penulis menghuraikan keseluruhan ayat surah *al-Hujurāt*, manakala dalam bab keempat penulis menghuraikan beberapa ayat dalam surah tersebut yang berkenaan dengan tajuk kajian ini, iaitu tentang prinsip-prinsip komunikasi, antaranya tentang etika komunikasi dengan Rasulullah S.A.W., konsep penelitian terhadap maklumat, penyelesaian konflik antara orang-orang mukmin, adab kesopanan seorang muslim dalam menjaga hak dan kehormatan orang lain, serta prinsip komunikasi antara bangsa.

Dalam bab keempat ini penulis akan menghubungkan ayat-ayat dalam surah *al-Hujurāt* dengan keadaan semasa, sebagai bahan perbandingan bahawa sejauh mana prinsip-prinsip yang telah ada sekarang bersesuaian dengan prinsip-prinsip yang ada dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Penulis akhiri dengan bab kelima sebagai bab penutup. Dalam bab ini penulis membuat kesimpulan-kesimpulan umum daripada keseluruhan perbincangan dalam isi kajian ini.